



Unit Digital di Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat SUK Pahang ingin mempelawa individu-individu yang berkelayakan, dinamik, mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan berpengalaman luas dalam bidang Teknologi Maklumat bagi mengisi kekosongan jawatan **mulai 08 September 2022** seperti berikut :

## IJAZAH SARJANA MUDA/IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41 (KONTRAK)	KEKOSONGAN <b>1</b>
---	------------------------



### Syarat Kelayakan Minimum:

1. Warganegara Malaysia;
2. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam Bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
3. Pengalaman kerja **minimum 5 tahun** dalam pengurusan dan perancangan projek ICT. **Keutamaan bagi calon yang memiliki pengalaman dalam pengurusan projek ICT terutama berkaitan Pelan Digital;**
4. Memiliki sifat kepimpinan yang cemerlang, komited, berintegriti, berwawasan dan profesional dalam pengurusan projek;
5. Mempunyai kemahiran dalam perancangan strategik, penyelesaian isu / masalah, pembentangan pelaporan kepada pihak berkepentingan, komunikasi cemerlang dan berkesan;

## **RINGKASAN TUGASAN F41 UNIT DIGITAL NEGERI PAHANG**

- a. Menjalankan tugas sebagai urusetia kepada Majlis Digital Negeri Pahang dan urusetia kepada Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan.
- b. Menyediakan dan membentangkan laporan status pelaksanaan inisiatif digital dalam Pelan Digital Negeri Pahang kepada Majlis Digital Negeri Pahang.
- c. Memantau dan menilai perkembangan pelaksanaan dan melakukan penambahbaikan serta tindakan progresif dalam meminimumkan permasalahan perkara berbangkit bagi setiap inisiatif digital.
- d. Memperhalusi dan mencadangkan penetapan KPI bagi setiap peneraju inisiatif digital.
- e. Menguruskan penyediaan mekanisma pemantauan pelaksanaan atau KPI secara atas talian.
- f. Menguruskan penyimpanan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Majlis Digital Negeri Pahang dengan sistematik dan selamat.
- g. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari semasa ke semasa

**Pendaftaran permohonan jawatan hanya diterima melalui *Online* sahaja.**

**Sebarang pertanyaan berhubung urusan pengambilan dan temu duga, sila berhubung dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.** *Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.*

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA ATAU SEBELUM  
21 SEPTEMBER 2022 (RABU) JAM 11.59 MALAM.**

**MOHON SECARA ONLINE DI PORTAL SPA PAHANG :**

**<https://espa.pahang.gov.my>**



**Unit Digital di Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat SUK Pahang** ingin mempelawa individu-individu yang berkelayakan, dinamik, mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan berpengalaman luas dalam bidang Teknologi Maklumat bagi mengisi kekosongan jawatan **mulai 08 September 2022** seperti berikut :

## DIPLOMA/SIJIL/STP/STPM/STAM

### KUMPULAN PELAKSANAAN

### KEKOSONGAN

### **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

**1**

### **GRED F29 (KONTRAK)**

#### Syarat Kelayakan Minimum:

1. Warganegara Malaysia;
2. Memiliki sekurang-kurangnya:
  - i. Sijil dalam bidang Teknologi Maklumat atau Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - ii. Sijil dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - iii. Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - iv. Diploma dalam kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
3. Pengalaman kerja **minimum 3 tahun** dalam membangunkan dan menyelenggara sistem aplikasi atau laman web serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna. **Keutamaan bagi calon yang memiliki pengalaman dalam membangunkan atau menyelenggara sistem aplikasi atau laman web yang berkaitan dengan pengurusan projek ICT;**
4. Memiliki sifat kreatif, tekun, sabar, komited dan minat untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat;
5. Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mendalam mengenai perkakasan, peralatan dan sistem komputer serta mengikuti perkembangan teknologi maklumat terkini.



## **RINGKASAN TUGASAN F29 UNIT DIGITAL NEGERI PAHANG**

- a. Membantu dalam pelaksanaan tugas sebagai urusetia kepada Majlis Digital negeri Pahang dan urusetia kepada Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan.
- b. Membantu dalam penyediaan laporan status pelaksanaan inisiatif digital dalam Pelan Digital Negeri Pahang kepada Majlis Digital Negeri Pahang.
- c. Membantu pelaksanaan pemantauan kepada perkembangan pelaksanaan dan melakukan penambahbaikan serta tindakan progresif dalam meminimumkan permasalahan perkara berbangkit bagi setiap inisiatif digital.
- d. Membantu dalam penetapan KPI bagi setiap peneraju inisiatif digital.
- e. Membantu dalam menyediakan mekanisma pemantauan pelaksanaan atau KPI secara atas talian.
- f. Membantu dalam pengurusan penyimpanan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Majlis Digital Negeri Pahang dengan sistematik dan selamat.
- g. Membangunkan dan menyelenggara sistem aplikasi atau laman web yang diperlukan dalam pemantauan dan penetapan KPI.
- h. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari semasa ke semasa

**Pendaftaran permohonan jawatan hanya diterima melalui *Online* sahaja.**

**Sebarang pertanyaan berhubung urusan pengambilan dan temu duga, sila berhubung dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.** *Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.*

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA ATAU SEBELUM  
21 SEPTEMBER 2022 (RABU) JAM 11.59 MALAM.**

**MOHON SECARA ONLINE DI PORTAL SPA PAHANG :  
<https://espa.pahang.gov.my>**



**Unit Digital di Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat SUK Pahang** ingin mempelawa individu-individu yang berkelayakan, dinamik, mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan berpengalaman luas dalam bidang Teknologi Maklumat bagi mengisi kekosongan jawatan **mulai 08 September 2022** seperti berikut :

**SPM/ MCE/ SPVM/SPMV/STA/STU/SKM/SIJIL**

**KUMPULAN PELAKSANAAN**

**KEKOSONGAN**

**PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI**

**1**

**GRED N19 (KONTRAK)**



**Syarat Kelayakan Minimum:**

1. Warganegara Malaysia;
2. Memiliki sekurang-kurangnya:
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh kerajaan ;
  - ii. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
3. Pengalaman kerja **minimum 3 tahun** dalam pentadbiran dan keurusetiaan. **Keutamaan bagi calon yang memiliki pengalaman dalam aspek keurusetiaan dan pentadbiran serta mempunyai kebolehan dalam menggunakan perisian komputer seperti MS Office;**
4. Memiliki sifat kreatif, tekun, sabar, komited dan minat dalam menggunakan teknologi maklumat dalam pekerjaan seharian;
5. Mempunyai kemahiran dalam menyediakan surat menyurat dan mengendalikan persiapan mesyuarat.

## **RINGKASAN TUGASAN N19 UNIT DIGITAL NEGERI PAHANG**

- a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan pentadbiran di Unit Digital Negeri Pahang
- b) Membantu dalam pelaksanaan tugas keurusetiaan kepada Majlis Digital Negeri Pahang dan Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan.
- c) Membantu dalam penyediaan laporan status pelaksanaan inisiatif digital dalam Pelan Digital Negeri Pahang kepada Majlis Digital Negeri Pahang.
- d) Membantu dalam menguruskan penyimpanan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Majlis Digital Negeri Pahang dengan sistematik dan selamat.
- e) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari semasa ke semasa

**Pendaftaran permohonan jawatan hanya diterima melalui *Online* sahaja.**

**Sebarang pertanyaan berhubung urusan pengambilan dan temu duga, sila berhubung dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.** *Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.*

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA ATAU SEBELUM  
21 SEPTEMBER 2022 (RABU) JAM 11.59 MALAM.**

**MOHON SECARA ONLINE DI PORTAL SPA PAHANG :  
<https://espa.pahang.gov.my>**